

KENYATAAN MEDIA  
21 NOVEMBER 2024



## **ST Lupuskan 1,224 Barang Rampasan Bernilai Lebih RM100 Ribu di Sabah**

**Putrajaya, 21 November 2024** – Suruhanjaya Tenaga (ST) berjaya melupuskan sejumlah 1,224 barang rampasan bernilai lebih RM100,000 bagi kes-kes di Negeri Sabah. Proses pelupusan ini melibatkan beberapa kes termasuk kes-kes di bawah:

- i. **Ops Curi Elektrik** yang melibatkan 5 kertas siasatan,
- ii. **Ops Kelengkapan Elektrik** yang melibatkan 4 kertas siasatan, dan
- iii. **Kes Kemalangan Elektrik** yang melibatkan 4 kertas siasatan.

Timbalan Pengarah Unit Penyiasatan ST, Ir. Nik Mohd Bakhry Abu Bakar telah hadir bagi menyaksikan proses pelupusan barang rampasan tersebut di sebuah pusat pembuangan dan pelupusan logam di Kota Kinabalu Industrial Park, Kota Kinabalu, Sabah pada hari ini.

Pelupusan barang rampasan ini dilakukan berdasarkan arahan Timbalan Pendakwa Raya di bawah Seksyen 406A Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593) yang melibatkan 13 kertas siasatan yang telah selesai melalui proses mahkamah dan kompaun.

ST telah melantik sebuah syarikat yang berlesen dengan Jabatan Alam Sekitar bagi memastikan pengurusan e-waste dilaksanakan secara lestari, bagi mematuhi keperluan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005. Proses pengurusan barang kes ini melibatkan

---

### **MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA**

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan. Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.

pengasingan (*segregation*) antara sisa terjadual (*schedule waste*), sisa boleh dikitar semula (*recyclable waste*) dan sampah (*rubbish*). Menurut pihak syarikat, barang ini akan dihantar kepada pembeli dan ke fasiliti pemprosesan lengkap jadual (*full recovery facilities*) berdasarkan pengasingan yang dilaksanakan.

Untuk makluman lanjut berkenaan perkara ini, sila layari laman sesawang ST di [www.st.gov.my](http://www.st.gov.my) atau hubungi kami di talian 03-8870 8500.

**\*\*\*TAMAT\*\*\***

***Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:***

*Veliana Ruslan/Hazwani Ghazali/Harith Safruddin*

*Unit Promosi dan Hubungan Luar*

*Tel: 03-8870 8753/019-2131978 (Veliana) / 011-28866271 (Hazwani) / 018-3822545 (Harith)*

*Emel: [veliana@st.gov.my](mailto:veliana@st.gov.my) / [noorhazwani@st.gov.my](mailto:noorhazwani@st.gov.my) / [harith@st.gov.my](mailto:harith@st.gov.my)*

---

**MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA**

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan. Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.